

Mahu kembalikan kecemerlangan olahraga

Shahidan mahu olahraga kembali menjadi lubuk emas kontinjen Malaysia



Oleh Syazwan Msar mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Presiden Persekutuan Olahraga Amatir Perlis (POAPs) Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mahu memulihkan kembali imej su-

“Perkara utama perlu ditekankan adalah pembangunan atlet Shahidan Kassim

kan olahraga negara dengan memastikan lebih banyak kejayaan dicapai di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, ketika ini kepincangan pentadbiran badan induk olahraga negara itu menyebabkan banyak perkara ‘tidak menjadi’ termasuklah perancangan pembangunan membabitkan atlet terbantut.

Malah, beliau berkata, sukan olahraga negara sepatutnya menjadi lubuk emas buat kontinjen Malaysia namun sebaliknya berlaku apabila kurang pencapaian membanggakan dilihat terutamanya membabitkan pentas Sukan Sea.

“Saya bukannya baru dalam olahraga ini dan sentiasa mengikuti rapat perkembangan sukan berkenaan yang menyaksikan prestasi atlet

sejak kebelakangan ini merosot. Jika diikutkan sepatutnya Malaysia membawa pulang lapan pingat emas pada temasya Sukan Sea Hanoi di Vietnam namun hanya mampu membawa pulang lima saja.

“Perkara utama yang perlu ditekankan adalah pembangunan atlet dengan memastikan mereka mampu meraih kejayaan di peringkat lebih tinggi,” katanya, ketika dihubungi Arena Metro. Terdahulu, beliau dicalonkan oleh POAPs bagi merebut kerusi nombor satu Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) sekali gus mencabar penyandang ketika ini, Datuk SM Muthu yang turut mengesahkan akan mempertahankan jawatannya itu.

Mengikut rekod, Shahidan bukan asing buat KOM

apabila pernah menerajui badan induk itu pada 2006 hingga 2012, tetapi terpaksa melepaskan jawatan selepas tewas di tangan Datuk Zainal Abidin Ahmad dalam pemilihan bagi penggal 2013-2015.

Muthu dipilih sebagai presiden baharu KOM bagi penggal 2019/2022 selepas menewaskan Datuk Karim Ibrahim yang juga penyandang jawatan ketika itu dengan kelebihan tiga undi.

Bekas atlet olahraga Selangor era 1990-an, Nurhayati Karim turut dicalonkan bagi merebut kerusi ‘panas’ pada pemilihan kali ini, tetapi difahamkan beliau menarik diri bagi memberi laluan kepada Shahidan namun belum ada pengumuman rasmi daripada KOM berhubung pencalonannya itu.

Sri Petaling residents want drains damaged by tree roots repaired fast

SRI Petaling residents are urging Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to repair the drains along Jalan Sri Petaling 2 which were damaged by tree roots.

The residents association's committee member Ganesan Yethiah said the roots of two trees along the neighbourhood road had damaged the concrete wall of the drain.

"Debris from the damaged drain wall has fallen into the drain and affected water flow.

"The drain cover has also gone missing, which is a hazard to pedes-

trians using the walkway," he said.

Ganesan said he lodged a complaint via DBKL's Adu@KL in March.

"I suggested that DBKL chop down the trees along Jalan Sri Petaling 2 as their roots were damaging public infrastructure," he said.

In a direct response to his initial complaint, DBKL informed Ganesan that a site investigation had been carried out and that large-scale repairs were required.

"The relevant department would get its contractors to repair the

drain," it had said then.

However, Ganesan said to date, the drains had not been repaired yet.

Sri Petaling Residents Association chairman Tan Tai Tong hoped that DBKL would also repave a pothole-riddled road there.

"DBKL has resurfaced the roads at Jalan Merah Saga, so we hope the same will be done for other roads in Sri Petaling too," he said.

DBKL was not reachable for comments at press time regarding the drain repairs.



Ganesan looking at a drain that has been damaged by tree roots.